

Irfan

by - -

Submission date: 29-Jul-2022 04:00AM (UTC+0100)

Submission ID: 1876120630

File name: nerapan_Metode_Dakwah_melalui_Teori_Pengkaedahan_Melayu_-_1.docx (68.85K)

Word count: 7360

Character count: 46523

Imej Isteri Misali dalam Hikayat Melayu-Islam: Penerapan Metode Dakwah melalui Teori Pengkaedahan Melayu

The Image of Pious Wife in the Malay Islamic Hikayat: Application of Preaching Method via Pengkaedahan Melayu Theory

Muhd Norizam Jamian, Muhammad Irfan Waquiuddin Hasanudin & Aulia Sari Torodji

ABSTRAK

Teks-teks hikayat Melayu-Islam menjadi antara medium penting dalam menyampaikan ajaran Islam di alam Melayu terutama pada abad ke-15. Karya-karya bercorak naratif ini menjadi saluran dakwah ajaran Islam termasuklah dalam aspek akhlak dan kekeluargaan. Turut menjadi fokus hikayat Melayu-Islam ialah pembentukan citra isteri misali, sesuai dengan kedudukan isteri sebagai komponen penting untuk melahirkan rumah tangga dan keluarga bahagia. Makalah ini membincangkan imej isteri misali yang dipancarkan dalam dua buah karya hikayat Melayu-Islam iaitu Hikayat Darmata 'siah dan Hikayat Perempuan Bernama Latifah. Analisis imej isteri misali dalam penulisan ini ditinjau dari sudut metode dakwah yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang. Sehubungan dengan itu, perbincangan makalah ini akan menganalisis imej isteri misali sebagai sebuah metode dakwah menerusi teks-teks hikayat Melayu-Islam. Daripada aspek metodologi, kajian ini berorientasikan pendekatan kualitatif yang terbahagi kepada kaedah kepustakaan dan analisis kandungan. Data kajian melibatkan dua teks hikayat berunsur Islam iaitu Hikayat Darmata 'siah yang terkandung dalam Antologi Enam Hikayat selenggaraan Mohd. Yusof Md. Nor (1989) dan Hikayat Perempuan Bernama Latifah selenggaraan Nik Afifah Nik Abdul Aziz (2017). Hasil kajian mendapati kedua-dua teks menampilkan nilai isteri misali yang digariskan dalam Islam. Antara ciri isteri misali yang signifikan ialah pegangan agama yang mantap, senantiasa mentaati suami, melayani suami seperti raja, dan setia. Tegasnya dari sudut dakwah, inti pati kedua-dua teks hikayat ini dalam menonjolkan imej isteri misali masih relevan dan boleh dijadikan panduan kepada golongan wanita moden hari ini.

Kata kunci: hikayat Melayu; sastera Islam; imej isteri misali; Teori Pengkaedahan Melayu.

ABSTRACT

The Malay-Islamic hikayat texts became one of the important mediums in conveying the teachings of Islam in the Malay world, especially in the 15th century. These narrative works become a channel for the propagation of Islamic teachings, including in the aspects of morality and family. The Malay-Islamic hikayat also the focussed on the formation of the image of the pious wife, in accordance with the position of the wife as an important component to produce a happy household and family. This paper discusses the image of the pious wife which is reflected in two works of Malay-Islamic hikayat, namely Hikayat Darmata 'siah and Hikayat Perempuan Bernama Latifah. The analysis of the pious wife in this writing is reviewed from the perspective of the preaching method conceived by in the Pengkaedahan Melayu Theory by Hashim Awang. Accordingly, the discussion of this paper to analyse the image of the pious wife as a preaching method especially for women nowadays. From the aspect of methodology, this study is oriented qualitative approach which is divided into library method and content analysis. The study data involves two Malay-Islamic hikayat texts, namely Hikayat Darmata 'siah which is contained in the Antologi Enam Hikayat edited by Mohd. Yusof Md. Nor (1989) and Hikayat Perempuan Bernama Latifah edited by Nik Afifah Nik Abdul Aziz (2017). The results found that both texts feature the value of the pious wife as outlined in Islam. Among the significant characteristics of a pious wife, is a strong religious belief, obeys her husband's instructions, treats her husband like a king and being faithful to the end of her life. In conclusion, from the point of view of da'wah, the essence of these two hikayat texts in highlighting the image of the pious wife is still relevant and can be used as a guide for modern women today.

Keywords: Malay-Islamic hikayat; Islamic literature; image of pious wife; Pengkaedahan Melayu Theory.

PENGENALAN

Kebahagiaan rumah tangga terjelma apabila pasangan suami isteri itu berpegang pada jalan Allah. Suami dan isteri mempunyai tanggungjawab serta kewajipan masing-masing yang perlu dilunaskan bagi memastikan keutuhan rumah tangga yang dibina (Syahidatul Akmal Dunya 2020). Isu berkaitan kebahagiaan rumah tangga ini bukan isu baharu bahkan telah lama diperkatakan sejak zaman leluhur lagi. Bezanya hanyalah medium penyampaian. Selain menghadiri dan mendengar ceramah atau kuliah agama di musolla, masyarakat tradisi juga banyak mendengar kisah-kisah yang sarat dengan pedoman dan nasihat. Dalam hal ini, kisah-kisah yang sarat dengan pedoman hidup tergolong dalam sastra lisan, kerana ia diturunkan dari satu generasi ke satu generasi. Sastra lisan diwarisi secara turun-temurun dan menjadi milik masyarakat (Nur Samsiah Mazlan et al. 2021). Kesusasteraan lisan juga dikenali sebagai kesusasteraan rakyat dan merupakan catatan sejarah masyarakat pada masa lampau dan merupakan wadah untuk memahami persekitaran sosiobudaya masyarakat (Madiawati Mustaffa et al. 2020).

Selepas Islam berkembang pesat di Tanah Melayu, penyebaran ilmu agama turut bergerak seiring termasuklah ilmu munakahat. Bentuk kesusasteraan Melayu berubah daripada medium lisan kepada tulisan melalui pengenalan aksara jawi. Hasil dakwah para ilmuwan ketika itu juga tergambar dalam karya sastra berbentuk hikayat. Seperti yang dijelaskan oleh Mana Sikana (2009), kegiatan sastra di Alam Melayu berkembang sebaik sahaja agama Islam diperkenalkan. Tidak hairanlah jika sastra dianggap juga sebagai medium untuk memupuk tamadun, sebagai wadah penyampaian pengajaran yang boleh mendidik manusia dengan adab serta menyerlahkan kearifan tempatan masyarakat penciptanya (Muhd Norizam & Shaiful Bahri 2015; Muhd Norizam Jamian & Zubir Idris 2019; Shaiful Bahri Md. Radzi 2019). Sebagai sarana didaktisisme, teks sastra boleh dilihat sebagai saluran yang memberikan pendidikan khas kepada khalayaknya dari segi moral, etika, atau persoalan agama yang berkaitan dengan kepercayaan mereka (Mawar Safei 2019). Seterusnya, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) merumuskan bahawa terdapat hubungan antara sastra dengan citra masyarakat yang menyumbang kepada pemahaman tingkah laku dan kehidupan manusia sama ada melalui pancaindera atau melalui pemahaman kematangannya. Imej masyarakat boleh menjadi petunjuk kepada jenis kehidupan yang wujud dalam sesebuah komuniti. Ia biasanya ditemui melalui nilai-nilai budaya, moral, sosial, kekeluargaan, keagamaan, dan sebagainya yang terdapat dalam masyarakat yang membantu memberi gambaran tentang kehidupan bermasyarakat. Begitu juga dengan citra masyarakat juga mencerminkan realiti yang wujud dalam kehidupan masyarakat khususnya dalam budaya dan kepercayaan masyarakat yang boleh dijadikan pedoman dalam menjalani kehidupan bermasyarakat ini. Masyarakat Melayu percaya bahawa setiap perkara dalam kehidupan perlu mempunyai asas agama, walaupun dalam hal berkaitan keluarga atau munakahat.

Menariknya, pesanan dan perkongsian mengenai ilmu munakahat dalam sastra lazimnya ditujukan kepada golongan wanita berbanding golongan lelaki. Dalam Islam, sejurus anak perempuan itu diakad nikah maka anak perempuan tersebut akan menjadi tanggungjawab sepenuhnya atas suami bukan ibu bapanya lagi. Oleh itu, adalah wajib bagi isteri untuk mematuhi setiap tutur kata suami. Kepatuhan yang dimaksudkan adalah bertujuan melindungi maruah isteri dan suami. Hal ini cukup menunjukkan imej isteri misali sebagai agen dakwah dan komponen utama dalam melahirkan keluarga bahagia.

Sehubungan dengan itu, imej seorang isteri misali boleh dilihat dalam kedua-dua cerita hikayat Melayu-Islam akan dibincangkan. Kisah-kisah yang diperkatakan ialah *Hikayat Darmata'siah* dan *Hikayat Perempuan Bernama Latifah*. Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu yang dikembangkan oleh Hashim Awang, teks-teks sastra Islam ini ditinjau dari sudut pendekatan dakwah. Makalah ini dibataskan kepada *Hikayat Darmata'siah* yang terkandung dalam *Antologi Enam Hikayat* selenggaraan Mohd. Yusof Md. Nor (1989) dan *Hikayat Perempuan Bernama Latifah* selenggaraan Nik Afifah Nik Abdul Aziz (2017).

KAJIAN LEPAS

Bagi tujuan makalah ini, sorotan literatur diteruskan berpandukan kata kunci 'isteri misali' dan 'pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dalam kesusasteraan Melayu'. Sehubungan dengan itu, terdapat lapan kajian lepas yang berhasil ditemui dan disaring mengikut kata kunci tersebut. Makalah ini menumpukan kajian berkaitan isteri misali atau institusi kekeluargaan bermula seawal tahun 1996 sehingga yang terkini. Kajian-kajian lepas tersebut memberikan fokus terhadap asas pembentukan, peranan suami isteri, soal perceraian yang berpunca daripada sikap isteri yang berubah selepas kahwin

dan perubahan tanggapan mengenai isteri misali pada pandangan wanita moden abad ini. Seterusnya perbincangan ditumpukan terhadap kajian lepas yang membicarakan aspek penerapan Teori Pengkaedahan Melayu dalam teks-teks sastera seperti novel, puisi, dan cerpen.

Seawal tahun 1996, Jawiah Dakir telah mengemukakan sebuah kertas kerja yang bertajuk “Asas Pembentukan Keluarga Perspektif al-Quran dan al-Sunnah”. Penulisan yang berpaksikan pendekatan kualitatif ini cuba menegaskan masalah sosial dalam kalangan muda-mudi berpunca daripada institusi kekeluargaan yang lemah. Hakikatnya, al-Quran dan al-Sunnah telah pun menggariskan asas-asas utama dalam membina keluarga yang mawaddah di sisi Islam. Oleh hal yang demikian, kertas kerja tersebut diusahakan agar manusia kini dapat beramal dengan peranan setiap anggota keluarga yang digariskan dalam Islam. Asas pembentukan keluarga terbahagi kepada dua; praperkahwinan dan pascaperkahwinan. Rasulullah SAW bersabda dalam hadis, agar umat Islam perhatikan empat perkara sebelum menikahi seseorang wanita; harta, keturunan, kecantikan, dan agama. Jawiah Dakir turut mencadangkan agar setiap pasangan berpegang pada tujuh asas kebahagiaan abadi iaitu iman dan takwa, cinta dan kasih sayang, pergaulan yang baik, amanah dan tanggungjawab nafkah, keadilan, pendidikan dan pembentukan peribadi, dan akhir sekali ialah ketaatan dan kesetiaan.

Najla Ismail dan Tengku Intan Zarina Tengku Puji (2016), menerusi makalah yang bertajuk “Layanan Isteri Terhadap Suami dalam Aspek Berhias sebagai Pendidikan dalam Rumah Tangga dan Kesan Pengabainnya” menyatakan bahawa berhias juga termaktub dalam tanggungjawab seorang isteri yang wajib ditunaikan khas buat suaminya sahaja. Keruntuhan rumah tangga hari ini banyak berlaku disebabkan ketidakpekaan isteri dalam aspek berhias. Lazimnya hal ini berlaku sejurus pasangan dikurniakan cahaya mata. Kesuntukan masa dan malas dijadikan alasan utama dalam berhias di hadapan suami membuatkan si suami mudah tertarik kepada wanita-wanita di luar sana yang bahkan lebih ‘cantik’ pada pandangan mereka. Makalah ini turut membincangkan manfaat dan ancaman terhadap si isteri jika mengambil berat isu berhias berdasarkan pendekatan kualitatif. Hasil kajian mendapati amalan berhias juga boleh dilihat sebagai kayu ukur seberapa lama perkahwinan pasangan bakal bertahan. Hal ini dikatakan demikian kerana paparan berita dari akhbar *Sinar Harian* merungkai kisah seorang suami yang curang dengan seorang janda. Katanya, alasan berbuat demikian disebabkan isterinya mengabaikan kekemasan dan perhiasan diri ekoran terlalu sibuk menguruskan anak dan rumah.

Ahmad Hairi Mohd Saat dan Raihanah Azahari (2021) menerusi kertas kerja yang bertajuk “Kesejahteraan Keluarga Menurut Perspektif Islam: Kajian Kualitatif” memfokuskan kepada faktor-faktor yang membawa kepada kebahagiaan berumah tangga. Menurut Ahmad Hair dan Raihanah, institusi kekeluargaan yang kukuh mestilah berteraskan keimanan dan ketakwaan sebagai dua asas utama yang ditetapkan dalam al-Quran dan al-Sunnah untuk melahirkan masyarakat yang beriman. Sehubungan dengan itu, kajian dilaksanakan dengan menemu bual tiga pasangan suami isteri yang telah dianugerahkan Keluarga Mawaddah (anugerah tokoh keluarga Misali di bawah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan anugerah Tokoh Keluarga Mawaddah diberikan oleh Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim). Hasil temu bual dianalisis mengikut tema-tema seperti keagamaan, kompromi dan komitmen, kepuasan perkahwinan, bijak selesaikan konflik, komunikasi yang baik, kehadiran anak dalam perkahwinan, status ekonomi, hormat menghormati, amanah, persefahaman, berkasih sayang dan tidak menganiaya pasangan. Secara ringkasnya, tiga pasangan yang berjaya ditemu bual boleh dijadikan inspirasi kepada umat Islam untuk terus berpegang teguh dengan al-Quran dan as-Sunnah sepanjang kegawatan rumah tangga seperti tiga pasangan tersebut.

Kedudukan isteri dalam rumah tangga yang dipaparkan menerusi novel Melayu menjadi fokus kajian Shikin Ali (2013) menerusi tesis sarjana yang bertajuk “Satu Kajian Persepsi Isteri dalam Novel dan Masyarakat Melayu”. Perbincangan menggunakan pendekatan kualitatif memfokuskan kepada tiga objektif; menemu bual isteri-isteri terpilih tentang persepsi isteri-isteri teladan dalam kehidupan moden hari ini, menganalisis novel-novel terpilih dan adaptasi novel kepada filem-filem yang menggambarkan isteri-isteri teladan, dan merungkai hubungan antara wacana ulama tentang persepsi isteri teladan dan pandangan umum. Berdasarkan kerangka teori patriarki, dapatan dianalisis bagi memahami pembentukan persepsi isteri khususnya pada masa ini. Rangkumannya, tanggapan peranan wanita yang tidak boleh lari dengan kerja-kerja rumah masih berterusan sebagaimana leluhur sebelumnya percaya. Namun begitu, rentak dunia yang semakin mencabar membuatkan sebahagian besar wanita Melayu di Singapura turut bekerja untuk menampung keluarga. Pada waktu yang sama, tugas seorang ibu berkerjaya telah menambah beban si isteri manakala si suami masih dengan peranan asal seperti yang difahami dalam teori patriarki.

15 Kertas kerja Pg. Haji Yakup Pg. Ahmad dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2018) yang bertajuk 7 "Sajak-sajak Badaruddin H. O. Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah" pula menganalisis sajak-sajak bertemakan ketuhanan oleh Badaruddin H. O., salah seorang penyair terkemuka di Brunei. Sajak-sajak beliau yang dianalisis ialah "Meski Rumah Mu Di Akhirat"; "Istighfar Rejab"; "Ini Zat Bukan Bayangku"; "Episod-Episod Tsunami"; "Takdir Itu Begini"; "Di Malam Kudus Ramadan"; dan "Tongkat Putih". Beliau menggunakan bahasa yang halus dan lembut dalam sajaknya untuk menyampaikan dakwahnya dengan cara yang lebih baik daripada yang pernah dilakukannya sebelum ini. Kebanyakan sajak beliau mengandungi unsur dakwah dan menunjukkan keagungan dan kebesaran Allah SWT. Analisis sajak Badaruddin H.O. mendedahkan bahawa Tuhan itu memiliki segala sifat kebesaran melalui puisi yang diilhamkan Ilahi.

Osman Ayob et al. (2020) dalam kertas kerja bertajuk "Analisis Dakwah dalam Cerpen Pilihan Rejab F. I.", Osman Ayob et al. (2020) mengkaji persoalan dakwah kerana ia berkaitan dengan kehidupan orang Melayu yang mempunyai tujuan dan moral yang kuat. Daripada koleksi cerpen *Papaverine*, tiga cerpen digunakan untuk menggambarkan intipati dakwah: "Suatu Subuh yang Bening", "Keusanga", dan "Taubat Nasuha". Penulisan tersebut mengenal pasti empat tema utama dakwah, iaitu ketakwaan, keadilan, taubat, dan ilmu. Ia berkisar tentang watak "Aku" sebagai hakim yang berpegang teguh pada ketakwaan melalui kesedaran dosa dan taubat, keadilan dan keimanan kepada "Suatu Subuh yang Bening". Dalam cerpen "Suatu Subuh yang Bening", keadilan dilihat melalui proses menegakkan keadilan melalui pergantungan kepada saksi untuk merujuk konsep Islam dalam hukuman pesalah. Watak Hayati mempunyai masalah emosi yang dirungkai oleh pengetahuannya tentang ilmu agama dalam cerpen "Keusanga". Dalam cerpen "Taubat Nasuha", rakan sebilik Asraf membuat percubaan berulang kali untuk mengislamkannya. Dakwah bertujuan untuk mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat berlandaskan agama dan menyepadukan Islam. Sehubungan itu, penggunaan agama pengarang dalam "Suatu Subuh yang Bening", "Keusanga", dan "Taubat Nasuha" adalah sejajar dengan pendekatan dakwah dan hubungannya dengan ketakwaan, keindahan, dan kemuliaan.

Kajian Sara Beden dan Nur Aisyah Shahira Naimon (2021) menerusi "Gapura Iman: Citra Keagamaan Pengkaedahan Melayu" pula menganalisis mesej keagamaan dalam novel *Gapura Iman* karya W. Kursiah Awang (2014) berpandukan teori yang dirintis oleh Hashim Awang. Secara umumnya, didapati bahawa Gapura Iman dimuatkan dan diselaraskan dengan enam pendekatan; pendekatan firasat, pendekatan gunaan, pendekatan moral, pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Kesemua pendekatan ini diterapkan secara terperinci dalam novel. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, kebanyakan pesanan yang disampaikan adalah bertujuan untuk menyeru para pendengar supaya mentaati perintah Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya. Untuk mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan hidup, baik di dunia mahupun di akhirat, pesan-pesan agama perlu ditonjolkan dalam rangka meningkatkan ketakwaan, keimanan, dan kecintaan kepada Allah SWT, sehingga dapat melahirkan hamba-hamba yang soleh dan beriman kepada perintah Allah SWT demi mencapai kebahagiaan dan kejayaan di dunia mahupun di akhirat.

Berdasarkan artikel bertajuk "Citra Masyarakat dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu", Nur Samsiah Mazlan et al (2021) mengenal pasti dan menganalisis imej masyarakat Melayu yang terkandung dalam naratif lisan melalui kajian kes. Kajian terhadap beberapa naratif lisan daripada *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* yang diselenggarakan oleh Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff, dan Fatimah Abdul Nasir digunakan. Naratif tersebut antaranya *Lebai Malang*, *Kampung Rembau*, *Pemilihan Pengganti*, *Kalimah Bismillah*, *Burung Qaf Wau*, *Asal Usul Sungai Pinggan*, *Kota Kulit Kerang*, *Burung Rajawali yang Ganas*, *Orang Kaya Bakhil* dan *Kasih Sayang Keluarga*. Dalam hasil analisis, terciptalah gambaran masyarakat yang mengamalkan kepercayaan kepada Tuhan, bekerjasama, dan saling mengasihi berdasarkan naratif tersebut. Naratif ini diwakili dalam Naratif Lisan, yang merangkumi kehidupan, budaya, dan agama masyarakat. Naratif lisan menggambarkan masyarakat terdahulu mengamalkan amalan sosiobudaya yang masih diamalkan sehingga kini dalam kehidupan dan budaya mereka. Selain itu, naratif lisan mengandungi imej masyarakat dan nilai-nilai yang memberi pengajaran kepada generasi hari ini.

Daripada semua kajian lepas yang diteliti, perbincangan imej isteri misali dalam hikayat Melayu-Islam masih langka dan ternyata wujud kelompangan yang wajar dipenuhi. Sehubungan dengan itu, makalah ini membincangkan imej isteri misali yang terkandung dalam *Hikayat Darmata'siah* dan *Hikayat Perempuan Bernama Latifah* dari sudut pendekatan dakwah yang dibangunkan dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang.

METODOLOGI KAJIAN


Pendekatan kualitatif menjadi fokus utama kertas kerja ini dibahagikan kepada kaedah kepustakaan dan analisis kandungan. Dari segi pendekatan kualitatif, ia amat sesuai diaplikasikan kerana mampu memperoleh kefahaman yang mendalam tentang perkara yang akan dipelajari (Marohaini Yusoff 2001). Maklumat kajian juga boleh diperolehi daripada sumber lain, seperti Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL), Perpustakaan Institut Tamadun dan Alam Melayu (ATMA) dan laman pangkalan data dan juga melalui penyelidikan kertas-kertas ilmiah tersebelurnya. Mohd Shaffie (1991) mendefinisikan penyelidikan kepustakaan sebagai usaha mendapatkan data melalui penyelidikan terhadap dokumen dan rekod-rekod terdahulu. Untuk menyokong dapatan kajian, data sekunder dikumpul. Pada asasnya, tujuannya adalah untuk memberi gambaran tentang permulaan dan hala tuju kajian serta mendapatkan maklumat tentang kosa ilmu yang berkaitan dengan imej isteri misali dan aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam kesusasteraan Melayu-Islam dengan cara yang lebih telus. Untuk mengelakkan plagiarisme, penggunaan kosa ilmu ini adalah penting kerana telah menjadi garis panduan kepada penyelidik sebelum memulakan penelitian akademik. Dengan menggunakan kaedah ini, adalah mungkin untuk melihat dan mengenal pasti jurang dalam kajian lepas, serta memahami konsep, teori dan fakta yang berkaitan dengan kajian.

Kaedah analisis kandungan kemudiannya diterapkan pada dua teks utama iaitu *Hikayat Darmata'siah* dalam *Antologi Enam Hikayat* versi Mohd. Yusof Md. Nor (1989) dan *Hikayat Perempuan Bernama Latifah* versi Nik Afifah Nik Abdul Aziz (2017). Menurut Muhammad Farooq Joubish dan Muhammad Ashraf Khurram (2011), analisis kandungan ialah kaedah ilmiah dalam bidang kemanusiaan yang memfokuskan kepada kepengarangan, kesahihan, dan makna teks. Melalui teknik bacaan rapi, kedua-dua teks utama ini diperlukan untuk menapis dan menganalisis data yang diperolehi. Membaca secara fokus dan teliti merupakan satu cara yang paling berkesan untuk memahami sesuatu yang telah dibaca dan boleh digunakan untuk meningkatkan keupayaan memahami teks lebih rinci (Cecep Munawar & Yuyu Fatimah 2018). Hasilnya, data yang diperolehi boleh diperincikan dengan lebih lanjut dan seterusnya dianalisis menggunakan pendekatan dakwah dalam Teori Pengkaedahan Melayu bagi membantu pentafsiran data yang diperolehi.

TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

Kerangka kertas kerja ini adalah berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu yang dicadangkan oleh Hashim Awang. Teori ini muncul kerana kelemahan teori Barat apabila diterapkan dalam kesusasteraan Melayu, menurut Hashim Awang. Ia merangkumi semua aspek kehidupan manusia termasuk gaya hidup, kepercayaan, dan budaya dalam masyarakat Melayu. Maka teori yang diusulkan pada ketika itu diyakini sejajar dengan adat luhur yang telah diamalkan sejak dahulu lagi. Tidak dinafikan, sebahagian besar pengarang Melayu ketika itu lazimnya dipengaruhi oleh objek alam yang berlandaskan agama Islam. Sehubungan dengan itu, kaedah Melayu terdiri daripada dua; pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Dengan menggunakan pelbagai pendekatan khusus, kedua-dua kaedah tersebut saling berkait dengan matlamat untuk memaparkan kesucian dan keindahan agama Islam (Hashim Awang 2002).

1 Dalam huraian Hashim Awang (2002), kedua-dua kaedah boleh dibahagikan kepada beberapa pendekatan. Pengkaedahan alamiah dibahagikan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat. Begitu juga kaedah agama terbahagi kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan kemasyarakatan, pendekatan dakwah dan juga pendekatan seni. Dalam makalah ini, pendekatan dakwah digunakan untuk membincangkan imej isteri misali berdasarkan teks Melayu-Islam. Berikut adalah penjelasan terperinci tentang kerangka Pengkaedahan Melayu dan pendekatan dakwah;



RAJAH 1. Teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang 2002)

Kaedah alamiah adalah berdasarkan gaya hidup seharian. Bagi masyarakat Melayu, alam itu sendiri memberikan makna yang mendalam dan faedah yang tidak terhingga. Sebagai contoh, alam menyediakan masyarakat Melayu dengan rezeki, pekerjaan, pengalaman, pengajaran dan lain-lain. Berdasarkan pendekatan yang diterapkan, sastera dianggap sebagai objek alam, iaitu objek ciptaan, seperti alam, yang dicipta oleh Allah SWT manakala sastera dicipta oleh manusia. Adalah penting bahawa setiap objek semula jadi, tidak kira sama ada ia dicipta oleh manusia atau oleh Tuhan, harus mempunyai tujuan tertentu. Menurut pandangan ini, akhlak adalah fenomena semula jadi yang berlaku secara semula jadi dalam kehidupan. Hasil daripada peristiwa yang dilalui manusia dan peristiwa yang berlaku di persekitaran mereka, manusia melalui pengalaman hidup ini. Dalam masyarakat, tingkah laku manusia boleh dijadikan contoh, tidak kira sama ada positif atau negatif. Pendekatan firasat boleh memperkaya pengalaman hidup seseorang individu kerana ia memberikan kejadian semula jadi (Hashim Awang 1993).

Sebagai kaedah agama, ia bertujuan untuk menonjolkan sifat-sifat keagungan Allah SWT dan meningkatkan ketakwaan kepada-Nya dengan menekankan sifat-sifat keagungan-Nya. Di bawah pengkaedahan ini terbahagi kepada tiga pendekatan; kemasyarakatan, seni, dan dakwah. Pendekatan kemasyarakatan pula mengangkat nilai keharmonian bermasyarakat dalam garis panduan Islam. Hadirnya sastera sebagai wadah agar manusia menjaga silaturahmi sesama tidak mengira agama, kaum mahupun jantina. Pendekatan seni yang cuba diketengahkan dalam teori ini adalah untuk mengapresiasi nilai estetika yang mengangkat martabat Islam khususnya dalam karya sastera. Pendekatan dakwah dalam kesusasteraan seperti yang diuraikan oleh Hashim Awang (1993) merupakan satu cara terbaik untuk meningkatkan ketakwaan seseorang kepada Allah SWT dengan mempertingkatkan nilai dakwah. Tambahan pula, Hashim Awang berpandangan bahawa dakwah diibaratkan sebagai seruan menuju jalan Allah kerana Islam ialah satu-satunya agama yang diredai Allah. Pendekatan ini boleh diaplikasikan dalam kesusasteraan Melayu bagi mencari pendekatan yang lebih tepat dan relevan, serta memberikan hasil yang positif dalam penerapannya. Lebih-lebih lagi, pendekatan dakwah menyepadukan sepenuhnya tema keagamaan ke dalam kritikan sastera, tema yang menjadi pusat kepada kehidupan umat Islam. Sastera juga dapat menghadirkan kegemilangan agama Islam, yang daripadanya dapat menimbulkan kekaguman yang lebih mendalam terhadap kemurniannya dalam kalangan umat Islam dan lain-lain.

Pengkaji-pengkaji lain turut bersetuju dengan pembawaan Hashim Awang. Dakwah sebahagiannya adalah seruan untuk mengikuti jalan Allah SWT untuk menjamin keberuntungan di dunia dan di akhirat. Melalui pendekatan dakwah, sastera menunjukkan keagungan Allah SWT dan kesucian agama Islam. Dengan memfokuskan kepada kesucian dan keunikan Islam dalam sastera, pendekatan ini juga berfungsi untuk menunjukkan keunggulan Islam dalam sastera. Kesusasteraan ditekankan melalui Pendekatan Dakwah sebagai cara untuk menyatakan sifat-sifat dan kebesaran Allah SWT. Matlamat dakwah adalah untuk mempengaruhi manusia agar berakhlak sesuai dengan ajaran Allah SWT untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat (Noor Sarah Abu Kassim 2018; Pg. Haji Yakup Pg. & Mohamad Mokhtar 2018; Nur Samsiah Mazlan et al. 2021; Sara Beden & Nur Aisyah Shahira Naimon 2021).

Seperti yang telah dibataskan dalam kajian, makalah kali ini akan memfokuskan pendekatan dakwah untuk membincangkan imej isteri misali dalam *Hikayat Darmata'siah* (1989) dan *Hikayat Perempuan Bernama Latifah* (2017). Sejar dengan misi utama pendekatan dakwah ini, mesej-mesej dakwah yang cuba diangkat diharapkan berjaya sampai kepada khalayak khususnya para wanita moden kini agar sama-sama meneledani sikap Darmata'siah dan Latifah.

DAPATAN & PERBINCANGAN KAJIAN

Bahagian ini akan menjawab objektif kajian iaitu menganalisis imej isteri misali dalam teks *Hikayat Darmata'siah* susunan Mohd. Yusof Md. Nor (1989) dan *Hikayat Perempuan Bernama Latifah* susunan Nik Afifah Nik Abdul Aziz (2017). Hasil penemuan kemudiannya dinilai menerusi pendekatan dakwah yang diusulkan oleh Hashim Awang. Sebagaimana yang dinyatakan oleh beliau, pendekatan dakwah ini diangkat agar manusia berbalik semula ke jalan yang benar dan hal ini juga boleh tercapai dalam hubungan suami isteri. Namun begitu, penulisan kali ini terbatas pada sudut pandang seorang isteri yang menginginkan anugerah sebagai isteri misali di sisi Allah. Sehubungan dengan itu, ciri-ciri isteri misali dapat sama-sama soroti dan hayati menerusi kedua-dua teks pilihan.

Berpandukan kedua-dua teks pilihan, berikut merupakan barisan watak 'isteri misali' yang wajar dijadikan sebagai suri teladan. Dalam *Hikayat Darmata'siah* susunan Mohd. Yusof Md. Nor (1989) terdapat hanya satu watak sahaja iaitu Darmata'siah manakala dalam *Hikayat Perempuan Bernama Latifah* susunan Nik Afifah Nik Abdul Aziz (2017) didapati terdapat dua watak isteri misali; Ibu Latifah dan Latifah. Antara imej isteri misali yang signifikan ialah pegangan agama yang mantap, senantiasa mentaati suami, melayani suami seperti raja, dan setia hujung nyawa. Gambaran tersebut bagi kedua-dua teks dapat disoroti lebih lanjut seperti berikut;

JADUAL 1. Imej Isteri Misali dalam Teks Hikayat Melayu-Islam

Imej Isteri Misali	Bukti Penemuan
1. <i>Hikayat Darmata'siah</i>	
<p>a. Menyambut kepulangan suami kemudian membasuh kaki suami sebelum melangkah masuk ke dalam rumah.</p>	<p>Syahadan, maka pada pagi-pagi hari itu, maka ia pun masuklah ke dalam khalwatnya dan apabila hari petang, maka Tuan Syeikh pun pulanglah ke rumah isterinya yang bernama Darmata'siah. Serta Darmata'siah melihat suaminya datang dari dalam khalwatnya itu, maka ia pun segeralah mengambil air dan membasuh kaki suaminya itu. Maka katanya, 'Ya Tuan Syeikh ampunilah dosa hambamu.' Setelah sudah maka disapunya dengan rambutnya serta ia sujud pada kaki suaminya itu, maka ujamnya. 'Ya Tuan Syeikh, ampunilah dosa hambamu.' Maka kata suaminya, 'Ya adinda, apa dosanya diri kerana engkau orang yang bakti kepada suaminya itu.'</p> <p style="text-align: right;">(Mohd. Yusof Md. Nor 1989: 74)</p> <p>Setelah Tuan Syeikh bil-Ma'aruf mendengar isterinya sudah beranak perempuan itu maka Tuan Syeikh bil-Ma'aruf pulanglah ke rumahnya mendapatkan isterinya. Setelah Darmata'siah itu melihat suaminya datang di dalam khalwatnya itu, syahadan maka Darmata'siah pun segeralah mengambil air basuh kaki suaminya itu. Setelah sudah membasuh kaki suaminya, itu maka disapunya dengan rambutnya serta sujud di kaki suaminya.</p> <p style="text-align: right;">(Mohd. Yusof Md. Nor 1989: 75)</p>
<p>b. Menjaga makan minum suami.</p>	<p>Kalikian maka Darmata'siah pun lalulah mengangkat hidangan nasi dan air membasuh tangan ke hadapan suaminya itu. Makan Tuan Syeikh itu pun makanlah.</p> <p style="text-align: right;">(Mohd. Yusof Md. Nor 1989: 74)</p> <p>Setelah itu maka Tuan Syeikh pun lalulah mengambil anaknya yang bernama Cenderadewi pada tangan isterinya itu. Maka dipeluk dan dicium oleh Tuan Syeikh bil-Ma'aruf. Arakian maka Darmata'siah pun mengangkat hidangan bersantapan ke hadapan suaminya itu.</p>

c. Rela korbankan diri demi keluarga tercinta. (Mohd. Yusof Md. Nor 1989: 75)
Setelah itu maka pun mengambil pisau lalu dikerat rambutnya tujuh helai diperbuat sumbu pelita. Setelah sudah makan sangatlah terang cahaya pelita itu.

d. Menjaga ibadah fardu tidak kira di mana sahaja berada. (Mohd. Yusof Md. Nor 1989: 76)
Seketika lagi maka hari pun asarlah, maka Darmata'siah pun hendak sembahyang. Maka dilihat ke sana ke mari tiada dapat air. Telah itu maka ia pun munajat ke hadrat Allah *subhanahu wa taala* demikian bunyinya: 'Ya rabbi. Ya sayyidi, ya mujiba'-d-da'wati, wa ya qadiya 'l-hajati, wa ya rafi a 'd-darajati, ya Tuhanku, ya rabba Il-'alamin, dan bahawasanya, Engkau anugerahi hambamu ini apalah kiranya hendak sembahyang asar.'

(Mohd. Yusof Md. Nor 1989: 78)

2. Hikayat Perempuan Bernama Latifah

a) Ibu Latifah akur kehendak Nasri, suaminya apabila ingin mengahwinkan anak daranya, Latifah Hatta, maka kira-kira umurnya dua belas tahun, maka hendaklah diberi bersuaminya oleh bapaknya Nasri itu. Maka, setelah sudah berfikir demikian, maka adalah kepada satu hari, maka Nasri pun pergilah kepada isterinya seraya katanya, "Hai adinda! Aku hendak memberi anak kita bersuami kepada keluarga kita." Maka sahut isterinya, "Yang mana-mana yang baik kepada kakanda tiadalah adinda salah."

b) Ibu Latifah akur apabila Nasri menyarankan agar dibawanya Latifah berjumpa dengan Nabi Allah untuk mendapatkan penjelasan. (Nik Afifah Nik Abdul Aziz 2017: 1)
Maka adalah satu hari, Nasri pun berpakatlal dengan isterinya, "Ya adinda, marilah kita bawa anak kita kepada Nabi Allah. Kita khabarkan halnya dia, tidak ma(h)u bersuami," Maka kata isterinya, "Marilah," Maka, Nasri laki isteri pun pergilah membawa anaknya mengadap Rasulullah, ...

c) Latifah menyambut suaminya pulang di hadapan pintu rumah dengan muka yang manis. Kemudian, Latifah persiapkan air basuh kaki untuk dibasuhkan sekali. Latifah juga mengeringkan kaki suaminya menggunakan rambutnya. (Nik Afifah Nik Abdul Aziz 2017: 2)
Adapun halnya Latifah itu, jikalau suaminya datang berjalan daripada mana-mana melainkan daripada jauh-jauh di[h](a)lu-[h](a)lukannya, disambutnya di muka pintu dan dihidirkannya air pembasuh kakinya. Apabila naik suaminya itu, maka dibasuhnya kakinya dan disapunya dengan rambutnya.

d) Latifah memandikan dan menyiapkan pakaian suaminya. (Nik Afifah Nik Abdul Aziz 2017: 3)
Kemudian itu, [dan] dimandikannya dan di(hi)asinya tubuhnya.

e) Latifah menyaji suaminya makan. (Nik Afifah Nik Abdul Aziz 2017: 3)
Setelah sudah dimandinya, dudukkan suaminya, baharulah diberinya makan.

f) Latifah tidak pernah memotong kata-kata suaminya. (Nik Afifah Nik Abdul Aziz 2017: 3)
... belum pernah ia melalui kata suaminya ...

g) Latifah meminta izin suami sebelum solat dan qada hajat (pergi ke tandas). (Nik Afifah Nik Abdul Aziz 2017: 3)
... dan jikalau ia sembahyang, sudah terdahulu meminta[k] izin kepada suaminya atau pergi qada hajat ke sungai melainkan dengan izin suami / juga.

h) Latifah akur arahan suaminya agar tidak keluar rumah melainkan urusan solat dan qada hajat. (Nik Afifah Nik Abdul Aziz 2017: 3)
... Aku hendak pergi ke Makkah kepada keluarga(ku)[nya]. Adapun engkau jangan berpindah daripada tempatmu ini. Jikalau ada barang kehendakmu melainkan kepada kawanmu juga, adinda mintak janganlah kamu pergi daripada tempatmu ini. Jikalau bukan waktu sembahyang dan qada hajat juga engkau

berpindah daripada tempatmu ini dan baca olehmu bismillah, ...

(Nik Afifah Nik Abdul Aziz 2017: 3)

Berapa lama sepeninggal suaminya itu, maka bapaknya pun yang bernama Nasri, itu pun sakit terlalu amat sangat hingga menanti waktu juga. Maka, pergilah ibunya Latifah itu mendapat(kan) anaknya Latifah seraya katanya, "Hai anakku Latifah! Bahawa bapakmu terlalu sakit hampir akan mati hendak bertemu dengan engkau." Maka sahut Latifah dengan tangis / nya, "Hai ibuku! Apa daya upaya aku hendak bertemu dengan bapakku itu kerana aku di dalam maklum suami[nya]ku serta aku dipesannya. Katanya, "Janganlah engkau berpindah daripada tempat ini melainkan sembahyang dengan qada hajat juga yang (di)izinkan. Maka sekarang betapa hal aku melalu akan pesan suami[nya]ku hai ibuku?" ...

(Nik Afifah Nik Abdul Aziz 2017: 4)

- i) Latifah sering mendoakan keselamatan suami.

... mintak doa kepada Allah Taala (a)kan aku.

(Nik Afifah Nik Abdul Aziz 2017: 4)

... Hatta, berapa lamanya Narbir itu, maka sediakala Latifah itu memberi sedekah akan segala fakir miskin menyuruh mintak[k] doakan suaminya selamat sejahtera.

(Nik Afifah Nik Abdul Aziz 2017: 5)

- j) Latifah selalu membaca al-Quran selepas solat.

Jikalau lepas sembahyang, baca olehmu Quran.

(Nik Afifah Nik Abdul Aziz 2017: 4)

- k) Latifah melayan gundik-gundik suaminya dengan baik.

Maka satu hari, datang suaminya dari Makkah membawa harta dan ringgitnya dan berapa perempuan yang baik rupanya serta gu(n)diknya [ba] dibawanya kepada rumahnya. Latifah pun tiada berubah rupanya hingga suka juga rupanya, tiadalah ia tamak akan hartanya banyak itu, ...

(Nik Afifah Nik Abdul Aziz 2017: 5)

Maka seperti gu(n)dik itu dan suaminya itu pun permuliannya dengan sepertinya. Dipersalinannya dengan seperti yang indah indah [serta dipermuliannya dengan sepertinya dan] serta dengan tulus dan ikhlas serta disuruhnya akan memelihara suaminya.

(Nik Afifah Nik Abdul Aziz 2017: 6)

Tiada juga ia harapkan menyuruh kawannya itu masak nasi dan gulai.

(Nik Afifah Nik Abdul Aziz 2017: 6)

- l) Bersifat zuhud.

Maka satu hari, datang suaminya dari Makkah membawa harta dan ringgitnya dan berapa perempuan yang baik rupanya serta gu(n)diknya [ba] dibawanya kepada rumahnya. Latifah pun tiada berubah rupanya hingga suka juga rupanya, tiadalah ia tamak akan hartanya banyak itu, ...

(Nik Afifah Nik Abdul Aziz 2017: 5)

Setelah dilihat Narbir demikian itu isterinya, maka Narbir pun menyerahkan segala hartanya itu kepada Latifah, itu pun tiada juga ia asyik kepada hati

melainkan taat kepada ibadat juga, berbuat nasi dan gulai tiadalah ia dengki atau cembur(u)an.

m) Rela berkorban demi suami dengan membakar rambutnya sebagai ganti kepada lilin.

(Nik Afifah Nik Abdul Aziz 2017: 6)
Alkisah tersebutlah kepada satu malam, terlalu sekali Latifah itu berbuat kebaktian kepada suaminya dan kepada Allah Taala dan isi rumah. Hatta kepada tengah malam, ianya sembahyang. Setelah sudah ia sembahyang, maka ia pun munajat suatu suluh. Maka (a)ngin pun bertiuip... Maka dicelupnya rambut kepada minyak itu. Maka, dibakarkannya kepada api. Bernyala-nyalah rambutnya.

n) Mendoakan kesembuhan suaminya.

(Nik Afifah Nik Abdul Aziz 2017: 6)
Maka dengan takdir Allah Taala, maka Narbir pun sakitlah terlalu sangat. Narbir tiada makan. Maka ia pun kuruslah badannya Narbir itu. Maka Latifah pun tiada dapat termakan nasi melihatkan hal suaminya itu hingga dengan percintaan juga serta mintak doa kepada Allah Taala supaya disembuh penyakit suaminya.

o) Kesetiaan terhadap suami semasa hidup dan setelah kematian suami.

(Nik Afifah Nik Abdul Aziz 2017: 7)
Maka dengan takdir Allah Taala, maka Narbir pun sakitlah terlalu sangat. Narbir tiada makan. Maka ia pun kuruslah badannya Narbir itu. Maka Latifah pun tiada dapat termakan nasi melihatkan hal suaminya itu hingga dengan percintaan juga serta mintak doa kepada Allah Taala supaya disembuh penyakit suaminya.

(Nik Afifah Nik Abdul Aziz 2017: 7)
Syahadan, maka dengan takdir[i] Allah Taala, maka suaminya pun telah kembalilah ke rahmatullah Taala. Qalu inna li Llahi wainna ilaihi raji'un. Maka Latifah pun terlalu sangat dukacitakan suaminya. Mati itu adalah kematiannya. Kepada malam dan siang Latifah itu menangis seperti pengsan sebab sangat cintakannya suaminya. Tiadalah sedarkan dirinya. Telah ia sedar akan dirinya, ia pun berkatalah bahawa, Hambamu kata, ketahui hai Tuhan Rabbul 'alamin serta diketahui Nabi Allah seperti kata hambamu ini, bahawa tiadalah kuberkehendak akan suami yang lain lagi dan segala laki-laki yang di dalam dunia ini hendak kepada aku seperti bapakku yang menjadikan aku demikianlah pada aku melainkan di(a)nugerahkan Rasulullah dahulu itulah suamiku dunia akhirat.

(Nik Afifah Nik Abdul Aziz 2017: 7)
Maka, telah Latifah melihat bilal datang itu, Latifah pun pergilah mendapatkan bilal serta katanya, "Apakah kehendak bapak datang ini?" Maka sahut bilal, "Aku disuruh Rasulullah SAW bertanya kepada anakku Latifah mengatakan ada seorang muda peranak[u](an) Yaman bernama Ahmad sangat berkehendak kepada anakku" Telah didengar oleh Latifah demikian, maka ia pun berkata, "Ya bapakku bilal! Sampaikan sembahku dengan ketahui Allah SWT yang aku tiada berkehendak kepada laki-laki yang lain laki-laki dan segala laki-laki yang di dalam dunia ini seperti bapak yang menjadikan aku melainkan yang mana dikurniakan Allah Taala itu dahulu itulah akan suami[ny]aku dunia akhirat."

(Nik Afifah Nik Abdul Aziz 2017: 7-8)

Syahadan, tersebutlah berapa banyak orang muda-muda yang meminta[k] dia kepada ibunya. Ada yang datang sendirinya kepada dianya, tiada juga ia ma(h)u. Maka tiadalah berkeputusan orang meminta[k]nya sebab kebaktian ada dan rupanya dan hartanya. Adapun Latifah itu belum (h)abis[i] percintaannya kepada suaminya. Banyaklah orang bercinta kepada dianya. Tiadalah kuasa kepada fikirannya Latifah itu mendengarkan perkataan orang yang meminta[k]nya dia, Latifah pun mengambil air sembahyang, lalu dua rakaat salam. Ia pun meminta doa akan dirinya mati kepada malam Jumaat waktu sunyi tengah malam. Maka ia sembahyang dua rakaat salam. Ia pun meminta[k] doakan Demikianlah katanya ia, “Ya Ilahi, ya Robbiya Sayyidi ya Maulai ya Tuanku Rabbul ‘alamin. Engkau juga yang empunya kudrat iradat Engkau matikan apalah kiranya aku ini supaya jangan aku lagi memalingkan mukaku kepada laki-laki yang lain daripada suami aku yang dahulu itu.”

(Nik Afifah Nik Abdul Aziz 2017: 8)

Berdasarkan penemuan daripada kedua-dua teks hikayat Melayu-Islam, imej isteri misali tersebut dapat dikategorikan dalam empat ciri utama iaitu pegangan agama yang mantap, senantiasa mentaati suami, melayani suami seperti raja, dan setia hujung nyawa. Keempat-empat ciri ini boleh dijadikan sebagai modal dakwah yang sangat relevan buat khalayak terutamanya golongan wanita yang mendambakan syurga abadi kelak.

Ciri pertama merupakan seorang isteri yang memiliki pegangan agama yang mantap dari segi teori dan praktikalnya. Umum sedia mengetahui bahawa setiap anak yang lahir akan bermula sebagai kain putih. Daripada kain putih itulah mereka dicorakkan mengikut rentak sekelilingnya. Contoh yang terdekak haruslah ibu bapa kerana pendidikan awal anak-anak bermula di dalam rumah mereka. Oleh itu, keberhasilan didikan ibu bapa teruji apabila anak mereka meningkat dewasa. Kajian oleh Norliza Ghazali (1998) mendapati pasangan yang mengamalkan ajaran agama mereka setiap hari dapat lebih memahami tujuan asal perkahwinan yang dibina. Misalnya, Darmata'siah dan Latifah. Pada halaman 78 dalam *Hikayat Darmata'siah*, watak utama itu sendiri menunjukkan kekecewaannya apabila Darmata'siah tidak menemukan sebarang punca air yang boleh dijadikan sebagai wuduk. Selanjutnya, Latifah dalam *Hikayat Perempuan Bernama Latifah* turut mempamerkan nilai keagamaan yang tinggi apabila Latifah sejourus mengerjakan solat, Latifah tidak pernah putus berdoa keselamatan dan kesihatan suaminya serta rajin membaca al-Quran. Soroti kembali halaman 4, 5, dan 7 dalam *Hikayat Perempuan Bernama Latifah*, sudah menjadi rutin Latifah seusah mendirikan solat, amalan mengaji al-Quran dan mendoakan kesejahteraan serta kesihatan suaminya tidak pernah putus. Latifah juga sentiasa bersikap zuhud dalam setiap hal terutamanya setiap kali suaminya menyerahkan harta pencarian suaminya. Malahan Latifah bertambah rendah diri dan banyak mengucap rasa syukur ke hadrat Ilahi. Kezuhudannya dapat dirujuk pada halaman 5 dan 6 dalam hikayat yang sama. Tingginya kasih Latifah terhadap suaminya jelas terbukti menerusi pegangan agamanya yang mantap mampu dilabelkan sebagai isteri misali.

Imej isteri 'kelas pertama' yang seterusnya adalah senantiasa mentaati suaminya dalam setiap hal. Shikin Ali (2013: 139), berpegang pada Surah An-Nisa, ayat 34 bahawa kaum Adam telah diberi mandat sebagai pemimpin kepada sekalian Hawa. Maka, adalah wajib bagi golongan Hawa untuk memberi tanda ketaatan terhadap kepimpinan mereka. Hal sama juga cuba diterapkan dalam karya sastera Melayu seperti hikayat Melayu-Islam. Misalnya, dalam *Hikayat Perempuan Bernama Latifah* watak Ibu Latifah dan Latifah sendiri telah menonjolkan imej isteri yang taat pada suami mereka. Seawal halaman 1 dan 2, Ibu Latifah terlebih dahulu mempamerkan imej seorang isteri yang taat apabila suaminya menyarankan agar anak dara tunggalnya dinikahkan sejourus Latifah sudah berusia 12 tahun. Sehubungan dengan itu, ibu bapa Latifah bersetuju untuk membawa Latifah berjumpa Rasulullah SAW untuk mendapatkan nasihat dan pandangan. Pendek kata, Ibu Latifah tidak pernah menidakkan turutan suaminya malah menyokongnya lagi. Selanjutnya, contoh ketaatan yang wajar disegani oleh sekalian isteri apabila Latifah taat pada arahan suaminya agar tidak keluar rumah melainkan urusan ibadah dan pembersihan diri. Tidak lupa juga, Latifah sering meminta izin suaminya setiap kali mendirikan apa-apa ibadah dan tidak pernah memotong kata-kata suaminya. Kebenarannya dapat dirujuk pada halaman 3 dan 4 dalam *Hikayat Perempuan Bernama Latifah*. Meskipun saat ayahnya nazak, Latifah tetap akur dengan arahan suaminya agar tidak keluar rumah tanpa izinnya. Berkat ketaatannya, ayah Latifah dikatakan sedang berdamping

dalam syurga bersama-sama hamba Allah yang soleh. Nilai ketaatan yang dipamerkan oleh Ibu Latifah dan Latifah jelas meyakinkan khalayak bahawa tidak mustahil untuk meneledani sifat mereka berdua.

Imej isteri solehah yang selanjutnya adalah melayan suami seperti raja. Konsep patriarki (lelaki berada di atas wanita) telah lama diamalkan bahkan tidak heran jika generasi kini masih mengamalkannya. Namun begitu, tanggapan sedemikian boleh diteruskan apabila keganasan rumah tangga dihapuskan. Jika diteliti dari sudut positif, setiap pasangan suami isteri wajar dilayan seperti raja dan permaisuri. Memetik kenyataan Ustaz Ahmad Dahri menerusi saluran radio Warna 94.2FM pada 17 Mei 2012, kata beliau, isteri juga berhak dilayan seperti ratu bukannya babu di rumah (Shikin Ali 2013: 10). Berdasarkan fokus asal kajian, situasi isteri melayan suaminya seperti raja dapat disoroti bersama dalam kedua-dua teks sastera Islam. Dimulai dengan watak Darmata'siah, Tuan Syeikh al-Ma'aruf dilayan dengan cukup tertib. Layanan 'kelas pertama' ini dapat dilihat bersama pada halaman 74 dan 75 dalam *Hikayat Darmata'siah*. Darmata'siah akan menyambut kepulangan suaminya dengan membasuh kakinya kemudian dilakukannya menggunakan rambut Darmata'siah. Kemudian, makan minum suaminya juga tidak pernah mengecewakan. Bermula dengan kerja-kerja memasak, lalu juadah tersebut dihidangkan di atas meja makan mereka berdua. Seterusnya dalam *Hikayat Perempuan Bernama Latifah*, Latifah menunjukkan kesungguhannya dalam melayan suaminya seperti raja. Peristiwa tersebut boleh dirujuk pada halaman 3 dan 5 dalam hikayat tersebut. Layanan tersebut bermula dengan menyambut ketibaan suami selepas bekerja. Latifah pasti akan menyediakan air untuk mencuci kaki suaminya kemudian mengeringkan kaki tersebut menggunakan rambutnya. Kemudian, Latifah akan membersihkan suaminya di samping set persalinan yang lengkap. Layanan Latifah diteruskan dengan menyaji suaminya makan dengan tertib. Latifah turut pandai melayan tetamu suaminya misalnya suaminya membawa pulang beberapa gundik untuk membantu suaminya dalam urusan kerja. Gundik tersebut dilayan oleh Latifah dengan sangat baik dan tertib. Hal ini membuatkan suaminya berasa syukur kerana dikurniakan seorang isteri yang melayaninya seperti raja.

Ciri yang terakhir ialah isteri yang menunjukkan kesetiannya terhadap suami. Siti Nor Bahyah Mahamood et al. (2005) dalam buku yang bertajuk *Cakar Harimau: Tips Kebahagiaan Rumah tangga* menerangkan konsep setia yang dimaksudkan ialah seorang isteri yang tidak akan memandang lelaki lain selain suaminya sahaja. Hal yang mirip juga disematkan dalam kedua-dua teks. Darmata'siah sanggup mengeratkan tujuh helai rambutnya untuk dijadikan sebagai sumbu pelita di rumahnya. Tanda kesetiannya dapat diteliti semula pada halaman 75. Sungguhpun begitu, tindakan Darmata'siah telah disalah erti oleh Tuan Syeikh al-Ma'aruf. Berbeza pula dengan kisah Latifah yang juga berbuat demikian. Bukti kesetiaan yang ditonjolkan adalah seperti mengeratkan rambutnya sebagai sumbu pelita dan menolak pinangan Narbir selepas seberapa lama kematian arwah suaminya. Berikut boleh merujuk halaman 6 hingga 8 dalam *Hikayat Perempuan Bernama Latifah*. Situasi yang sama berlaku kepada Latifah apabila pelita dalam rumahnya terpadam dan tindakan tersebut tidak menjadi masalah dalam hikayatnya. Bahagian yang kian teruji apabila kebahagiaan rumah tangga Latifah terkesan selepas pemergian suaminya. Sungguhpun begitu nilai kasihnya buat suaminya tetap sama walaupun seorang pemuda bernama Narbir datang meminang Latifah. Pinangan tersebut ditolak dengan baik kerana tiada sesiapa yang mampu menggantikan tempat arwah.

Demikianlah dapatan dan perbincangan imej isteri misali yang terkandung dalam teks hikayat Melayu-Islam *Hikayat Darmata'siah* dan *Hikayat Perempuan Bernama Latifah*. Penemuan yang berjaya ditemui kemudiannya disandarkan pada pendekatan dakwah dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Melalui metode tersebut, imej isteri misali boleh dibahagikan kepada empat; pegangan agama yang mantap, senantiasa mentaati suami, melayani suami seperti raja, dan setia hujung nyawa. Sifat Darmata'siah, Ibu Latifah, dan Latifah wajar dijadikan kayu ukur kepada semua wanita moden yang mendambakan syurga firdausi bersama-sama suaminya kelak.

KESIMPULAN

Hikayat Darmata'siah dan *Hikayat Perempuan Bernama Latifah* merupakan dua buah karya sastera hikayat yang mengangkat tema keagamaan serta padat dengan ilmu berumah tangga. Berdasarkan objektif kajian, teks sastera Islam tersebut dianalisis berpandukan pendekatan dakwah dalam Teori Pengkaedahan Melayu yang diusulkan oleh Hashim Awang. Hal ini sejajar dengan hasrat utama penciptaan teori ini agar hasil kesusasteraan Melayu juga ditanggapi sebagai karya leluhur yang kaya dengan nasihat berdasarkan pengalaman orang tua-tua sebelum kita. Pengalaman tersebut sebahagiannya diselarikan dengan syariat sejurus Islam menjadi anutan terbesar selepas pengaruh Hindu-Buddha dan kepercayaan animisme. Menariknya kedua-dua teks lebih tertumpu kepada golongan wanita atau isteri dalam memelihara rumah tangga mereka. Sehubungan dengan itu, muncul watak-watak isteri misali tampil sebagai agen dakwah kepada seluruh wanita khususnya wanita abad ini. Watak isteri misali tersebut

mengangkat empat imej yang wajar diteladani, iaitu pegangan agama yang mantap, senantiasa mentaati suami, melayani suami seperti raja, dan setia hingga ke akhir hayat. Hakikatnya, imej isteri misali yang diketengahkan dalam makalah kali ini bukan sahaja tertumpu pada golongan wanita sahaja bahkan juga umat Islam yang lain. Daripada isu ini, khalayak dapat lihat bahawa rumah tangga yang mawaddah ialah titik awal pembangunan insan yang wajar diperingat semula kepada dunia moden abad ini.

RUJUKAN

- Ahmad Hairi Mohd Saat & Raihanah Azahari. 2021. Kesejahteraan keluarga menurut perspektif Islam: kajian kualitatif. *Jurnal Syariah* 29(3): 481-508.
- Cecep Munawar Payumi & Yuyu Fatimah Hartati. 2018. The use of close reading technique to improve students reading comprehension. *Profesional Journal of English Education* 1(3): 187-194.
- Hashim Awang. 1993. Menilai hidayah dengan pendekatan dakwah. *Dewan Sastera*. November.
- Hashim Awang. 2002. Teori Pengkaedahan Melayu dan prinsip penerapannya. Kertas kerja Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu. Anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Jabatan Sastera Dewan Bahasa dan Pustaka. Melaka, 28-29.
- Jawiah Dakir. 1996. Asas pembentukan keluarga perspektif al-Quran dan al-Sunnah. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies* 17: 3-18.
- Madiawati Mustafa et al. 2020. Hubungan rakyat dan pemerintah dalam tradisi lisan dari perspektif kepimpinan. *Jurnal Akademika* 90(3): 117-128.
- Mana Sikana. 2009. *Kritikan Sastera Melayu Moden*. Singapura: Pustaka Karya.
- Marohaini Yusoff. 2001. *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mawar Safei. 2019. Didaktisisme Islami dalam cerpen Melayu mutakhir. *Jurnal Akademika 89(Isu Khas/Special Issue)*: 55-67.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. 2018. Nilai-nilai murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan: Satu penelitian pengkaedahan Melayu. Tesis Dr. Fal, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Shaffie. 1991. *Metodologi Penyelidikan: untuk Ekonomi dan Bidang-bidang Berkaitan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd. Yusof Md. Nor. 1989. *Antologi Enam Hikayat*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Muhammad Farooq Joubish & Muhammad Ashraf Khurram. 2011. Outlook on some concepts in the curriculum of social studies. *World Applied Sciences Journal* 12(9): 1374-1377.
- Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md Radzi. 2015. Kesusasteraan Melayu tradisional sebagai wadah komunikasi massa: suatu analisis. *Jurnal Komunikasi* 31(2): 183-194.
- Muhd Norizam Jamian & Zubir Idris. 2019. Kebijaksanaan adab dalam hikayat Melayu tradisional. *Jurnal Akademika 89(Isu Khas/Special Issue)*: 81-91.
- Najla Ismail & Tengku Intan Zarina Tengku Puji. 2016. Layanan isteri terhadap suami dalam aspek berhias sebagai pendidikan dalam rumah tangga dan kesan pengabainnya. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* 2(4): 42-51.
- Nik Afifah Nik Abdul Aziz. 2017. *Hikayat Perempuan Bernama Latifah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Sarah Abu Kassim. 2018. Puisi Endoi sebagai instrumen dakwah untuk pembangunan insan. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu* 6(1): 241-276.
- Norliza Ghazali. 1998. Objektif perkahwinan: satu kajian khusus terhadap kefahaman dan penghayatan masyarakat Islam di Kuala Lumpur. Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Nur Samsiah Mazlan et al. 2021. Citra masyarakat dalam naratif lisan: satu pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development* 9(2): 93-106.
- Osman Ayob et al. 2020. Analisis dakwah dalam cerpen-cerpen terpilih Rejab F. I. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu* 8(2): 49-59.
- Pg. Haji Yakup Pg. Ahmad & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. 2018. Sajak-sajak Badaruddin H. O. bertemakan ketuhanan: analisis pendekatan dakwah. *Jurnal Pengajian Melayu* 29: 156-180.
- Sara Beden & Nur Aisyah Shahira Naimon. 2021. *Gapura Iman*: citra keagamaan Pengkaedahan Melayu. Kertas kerja Prosiding Kolokium Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu 2021. Anjuran Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak. Sarawak, 8-9 Mac.
- Shaiful Bahri Md. Radzi. 2019. Kebitaraan peribahasa Melayu dalam komunikasi. *Jurnal Akademika 89(Isu Khas/Special Issue)*: 139-149.
- Shikin Ali. 2013. Satu kajian persepsi isteri dalam novel dan masyarakat Melayu. Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Melayu, National University of Singapore.

Siti Nor Bahyah Mahamood et al. 2005. *Cakar Harimau: Tips Kebahagiaan Rumahtangga*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
Syahidatul Akmal Donya. 2020. Ikut panduan Al-Quran selesai krisis rumah tangga. *Sinar Harian*, 24 Disember. <https://www.sinarharian.com.my/article/116164/KHAS/>. Dicapai pada: 10 Jun 2022.

Muhd Norizam Jamian
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor
Malaysia
E-mail: norizam@ukm.edu.my

Muhammad Irfan Waquiuddin Hasanudin (corresponding author)
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor
Malaysia
E-mail: p116046@siswa.ukm.edu.my

Aulia Sari Torodji
Fakultas Ilmu Budaya
Universitas Diponegoro
Semarang
Indonesia
E-mail: tauliasari11@gmail.com

Irfan

ORIGINALITY REPORT

13%

SIMILARITY INDEX

12%

INTERNET SOURCES

0%

PUBLICATIONS

2%

STUDENT PAPERS

PRIMARY SOURCES

1	www.researchgate.net Internet Source	3%
2	id.scribd.com Internet Source	3%
3	myscholar.umk.edu.my Internet Source	2%
4	rumpunjurnal.com Internet Source	1%
5	journalarticle.ukm.my Internet Source	1%
6	scholarbank.nus.edu.sg Internet Source	1%
7	azpdf.org Internet Source	<1%
8	Submitted to Universiti Pertahanan Nasional Malaysia Student Paper	<1%
9	repository.unika.ac.id Internet Source	<1%

10	ejournal.um.edu.my Internet Source	<1 %
11	E.P. Wieringa. " SOME COMPLEXITIES OF THE MALAY CIRCUMFIXED FORM, ", Indonesia and the Malay World, 2014 Publication	<1 %
12	Submitted to Institut Pendidikan Guru Malaysia Student Paper	<1 %
13	www.muidkijakarta.or.id Internet Source	<1 %
14	www.scribd.com Internet Source	<1 %
15	Submitted to Universiti Malaysia Kelantan Student Paper	<1 %
16	annisafa-dhilla.blogspot.com Internet Source	<1 %
17	www.slideshare.net Internet Source	<1 %
18	Submitted to Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah Student Paper	<1 %
19	docplayer.net Internet Source	<1 %
20	es.scribd.com	

Internet Source

<1 %

21

irep.iium.edu.my

Internet Source

<1 %

22

kotasatri.com

Internet Source

<1 %

23

polen.itu.edu.tr

Internet Source

<1 %

24

wardinaeshop.blogspot.com

Internet Source

<1 %

25

www.spbric.org

Internet Source

<1 %

26

zombiedoc.com

Internet Source

<1 %

Exclude quotes On

Exclude matches Off

Exclude bibliography On

Irfan

PAGE 1

PAGE 2

PAGE 3

PAGE 4

PAGE 5

PAGE 6

PAGE 7

PAGE 8

PAGE 9

PAGE 10

PAGE 11

PAGE 12

PAGE 13

PAGE 14
